


Kinambura dan Cerita-cerita Lain

Azmah Nordin et al



SAB 26696

Kinambura dan Cerita-cerita Lain

PERPUSTAKAAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Kinambura dan Cerita-cerita Lain

Azmah Nordin et al

Kinambura dan cerita



SAB00026696

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERPUSTAKAAN DBP	
Cawangan, Sabah.	
No. Kelas:	398-20959521 AZM
No. Perolehan:	SAB UDTZ/10
Tarikh:	22/1/10 T.T

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2009

Cetakan Pertama 2009
© Azmah Nordin, et al., 2009

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia


Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Azmah Nordin, 1958-

Kinambura dan cerita-cerita lain / Azmah Nordin ... [et al.].

ISBN 978-983-46-0220-8

1. Folk literature--Sabah. 2. Folklore--Sabah. I. Judul.
398.20959521



Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

1.	Kinambura	1
2.	Bayuh Menjadi Buaya	6
3.	Andopal	10
4.	Datu Amanguda	19
5.	Si Bobohan	24
6.	Si Kuting	30
7.	Huminodun	36
8.	Manik Buangsi	45
9.	Tunggal Junjungan	53
10.	Monsopiad	62



KINAMBURA

Diceritakan semula oleh Azmah Nordin

PADA zaman dahulu di sebuah perkampungan suku kaum Murut, di daerah Keningau, ada seorang anak gadis, Kinambura namanya. Bapa Kinambura yang bernama Lambayan, ialah ketua kampung yang sangat disegani di kampung itu. Mereka tinggal di rumah panjang bertiang tinggi, yang turut didiami oleh tiga puluh keluarga yang lain.

Di tengah-tengah rumah panjang itu, terbina *lansaran*, tempat mereka menari, setiap kali ada majlis keramaian di kampung itu. Mereka menari-nari terlonjak-lonjak untuk menggapai tengkorak-tengkorak musuh yang tergantung di situ. Sementara di bawah rumah panjang itu, mereka memelihara pelbagai jenis haiwan ternakan. Haiwan-haiwan itu berkeliaran bebas di sana sini. Di sekeliling rumah panjang itu dipenuhi hutan belukar dengan pohon-pohon yang menjulang tinggi. Haiwan hutan dan haiwan peliharaan sentiasa berbunyi bersahut-sahutan sesama sendiri.

Ibu Kinambura meninggal dunia ketika dia masih bayi lagi. Kinambura dibesarkan oleh beberapa orang pengasuh suruhan bapanya. Setiap kemahuan Kinambura, akan dipenuhi oleh bapanya. Inginkan batu-batu permata, bapanya belikan. Sebut sahaja, pasti akan dipenuhi bapanya. Dia dimanjakan juga oleh pengasuh-pengasuhnya. Makannya disuapkan. Mandinya disiramkan. Pakaianya dipakaikan. Rambutnya disisirkan. Tidurnya didodoikan. Lama-kelamaan, tanpa Kinambura sedari, dia sudah menjadi angkuh yang teramat sangat.

Pada suatu hari, Kinambura diberitahu bahawa dia akan dikahwinkan. Kinambura gembira kerana menyangka dia akan dikahwinkan dengan Montuk. Montuk yang tinggal serumah panjang engannya itu, selalu

dilihatnya berlatih bersilat dengan parang panjangnya. Dia tambah suka apabila Montuk selalu sahaja menyanyikan lagu-lagu rakyat yang merdu kepadanya. Ilmu perang memang banyak orang yang memiliki di kampung itu. Akan tetapi tidak banyak yang boleh menyanyi.

“Akan dikahwinkan?” Wajah Kinambura merona merah, bak bunga mawar merah di taman. Badannya digoyang-goyangkan, menurut rentak suara hatinya yang sedang berlagu merdu.

“Ya, anakku Kinambura, kau akan bersuamikan seorang pemuda kaya-raya dan kacak. Tingoron namanya, saudara sepupumu dari Tambunan,” kata Lambayan, sambil tersenyum bangga.

“Tapi ... tapi ...!” bantah Kinambura, resah.

“Tiada tapi-tapi lagi. Kalau sebelum ini, aku sentiasa memenuhi kemahuanku, kenapa engkau tak boleh penuhi kemahuanku yang satu-satunya ini?” tegas bapanya, tiada tolak ansur.

Kinambura hilang punca. Dia tidak tahu apa yang hendak dilakukan lagi. Lantas, dia terbayangkan akan Montuk. Dia pun bergegas ke rumah Montuk. Mujur Montuk ada di rumah. Kinambura mengadukan halnya kepada Montuk. Ternyata Montuk juga tidak suka Kinamburan dikahwinkan dengan orang lain. Muka Montuk tiba-tiba berubah bengis. Lantas, tanpa membuang masa, mereka mengadakan pakatan sulit.

Tidak lama kemudian, majlis perkahwinan Kinambura pun diadakan. Alat muzik kulintangan, gong dan bebandil bergema merdu di udara. Meriah. Kemudian rombongan pengantin perempuan pun bertolak untuk menemui pengantin lelaki di hujung kampung. Montuk menawarkan diri untuk menjadi ketuanya.

Setibanya mereka di hujung kampung itu, kelihatan rombongan Tingoron sudah sedia menanti. Orang-orang lelakinya kelihatan segak bercawat. Sedangkan yang perempuannya berpakaian indah dan memakai perhiasan daripada manik-manik yang berwarna-warni. Tua dan muda, sama sahaja. Semuanya menguntum senyuman gembira menyambut rombongan Kinambura.

Suasana meriah itu tiba-tiba menjadi gempar. Montuk yang mengetuai rombongan pengantin perempuan menyerang rombongan pengantin lelaki. Rombongan pengantin lelaki yang tidak berdosa itu, semuanya dibunuhan dengan kejam.

Kinambura terkejut, takut yang teramat sangat. Sungguh tidak diduganya itu yang berlaku. Padahal, menurut pakatan sulit asal, rombongan pengantin perempuan tidak membunuh rombongan Tingoron, sebaliknya hanya mengusir mereka. Kinambura menyesal yang tidak terhingga. Dia menjerit dan menangis berulang-ulang kali hingga beberapa hari. Kinambura terus termenung dan menggumam sendirian. Tidak mahu makan. Tidak mahu tidur. Dia terus duduk sambil menggoyang-goyangkan tubuhnya. Wajahnya pucat macam mayat.

Sebaliknya Montuk pula berasa megah dengan kejayaannya. Dia mereka-reka cerita palsu untuk membohongi Lambayan dan orang-orang kampung. Kononnya, rombongan pengantin lelaki diserang oleh sekumpulan pemenggal kepala yang ganas.

Beberapa bulan kemudian, Montuk melamar Kinambura. Lamarannya diterima. Setelah berkahwin, Kinambura berpindah ke rumah Montuk. Banyak sekali kepala musuh yang dipenggalnya, bergantungan di tiang rumah.

Masalahnya, kelakuan Kinambura tetap seperti dahulu, terus termenung dan menggumam sendirian. Kadang-kadang menangis dan kadang-kadang ketawa sendirian. Sementara itu, bapanya Lambayan yang pergi berburu haiwan liar bersama-sama pengikutnya masih belum pulang.

“Kita perlu melakukan sesuatu. Kinambura perlu dirawat di kampungku, Tambunan,” kata salah seorang pengasuh Kinambura, suatu hari.

“Nanti Montuk tahu, nahas kita!” tingkah pengasuh yang lain.

“Ah, dia tidak akan tahu. Dia pun makin lama makin jarang pulang ke rumah panjang ini,” gesa pengasuh yang pertama tadi. “Cepat kita bawa Kinambura mendapatkan rawatan, cepatlah kita bawa dia pulang nanti. Mari!”

Setibanya di Tambunan, Kinambura terus tidur di tempat yang dikhaskan untuknya. Pengasuh-pengasuh itu menjerang air mandiannya di dalam belanga besar di dapur. Sementara menunggu air mendidih, mereka pergi berbual-bual dengan saudara-mara yang lama mereka rindui.

Pada ketika itu, Montuk dan pengikut-pengikutnya sudah sampai di kampung itu. Dengan terhendap-hendap dan berjengket-jengket, mereka menghampiri pondok tempat Kinambura. Mereka tidak tahu bahawa Kinambura berada di dalam pondok itu. Mereka merancang untuk merompak



apa-apa yang ada di dalam pondok itu, seperti yang lazim mereka lakukan di kampung-kampung lain.

“Kamu tunggu di sini. Biar aku masuk dulu. Kemudian, aku akan membuka pintu untuk kamu,” kata Montuk. Dengan segera dia memakai topeng untuk menyamar sebagai seekor tikus dan terus menyelusup masuk ke pondok itu. Berdecit-decits bunyi mulutnya.

Semasa itu, Kinambura terkejut bangun daripada tidur. Matanya terkebil-kebil. Tiba-tiba dia terlihat satu susuk yang menyerupai tikus. Besarnya tikus itu, fikirnya. Perutnya berbunyi-bunyi, lapar. Lantas, dia bingkas mencapai setongkol kayu api. Dengan kayu api itu, dia memukul kepala tikus itu berulang kali. ‘Tikus’ itu pun dengan kekuatan luar biasanya, dia mengangkat ‘tikus’ itu ke dapur. Di dapur, ‘tikus’ itu dimasukkannya ke dalam belanga besar yang airnya sedang mendidih. Tiba-tiba terdengar bunyi jeritan ngeri daripada ‘tikus’ yang direbusnya di dalam belanga itu. Sejurus kemudian, Kinambura mengeluarkan ‘tikus’ itu lalu dimakannya dengan lahapnya.

“Hmmm ... lazatnya....” kata Kimbura, hingga menjilat jari.

Pada keesokan paginya, Kinambura dikejutkan oleh pengasuhnya. Dia diberitahu tentang mayat seorang lelaki yang sudah direbus sampai lunyai, terlantar di dapur. Mayat itu hancur macam diratah binatang buas.

Kinambura tiba-tiba teringat tentang Montuk yang pandai menyanyikan lagu-lagu rakyat yang merdu. Serta-merta, gambaran ‘tikus’ yang direbusnya pada malam tadi, menerpa dalam ingatannya. Segera dia sedar apa yang berlaku; tikus yang direbusnya malam tadi, adalah Montuk!

Dengan tidak semena-mena, dia tersenyum aneh. Kinambura berasakan yang dia sudah sembah kini.